

**AKULTURASI DAN NEO BUDAYA DALAM  
DRAMA PASCAKOLONIAL MALAYSIA:  
EVOLUSI IDENTITI KEBANGSAAN**

**LENA FARIDA HUSSAIN CHIN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2019**

**AKULTURASI DAN NEO BUDAYA DALAM  
DRAMA PASCAKOLONIAL MALAYSIA:  
EVOLUSI IDENTITI KEBANGSAAN**

**oleh**

**LENA FARIDA HUSSAIN CHIN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**November 2019**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, tesis ini telah dapat disiapkan dengan sempurna. Semoga usaha penulisan ini diterima sebagai ibadah untuk memperkayakan ilmu dan memperoleh keberkatan dari Yang Maha Esa.

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Dr. Mumtaz Begum Aboo Backer dan Prof. Madya Dr. Mohd Kipli Abdul Rahman selaku penyelia utama dan bersama kerana tidak pernah jemu dalam memberi tunjuk ajar dan mengemukakan cadangan-cadangan yang bernes sepanjang proses penghasilan tesis ini. Segala komitmen dan tiupan semangat yang diberikan telah menyemarakkan lagi usaha dalam melengkapkan penyelidikan ini.

Sekalung penghargaan turut dirakamkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah menghadiahkan biasiswa SLAI kepada saya dalam pengajian ini. Akhir sekali, tidak ketinggalan ribuan terima kasih diucapkan kepada kakitangan UPSI kerana memberi ruang dan peluang untuk meneroka ilmu pengetahuan sehingga ke peringkat ini.

Penghargaan yang tidak ternilai ditujukan kepada ahli keluarga tercinta terutamanya ibu, Hajah Asmah Haji Daud kerana banyak memberikan sokongan, pedoman serta inspirasi agar tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna. Tesis ini adalah hadiah buat ibu, ayah, nenek dan guru-guru saya yang tercinta. Semoga kejayaan saya ini dapat dijadikan sebagai motivasi kepada anak-anak dan pelajar-pelajar saya untuk terus melakar kejayaan dalam bidang ilmiah.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ahli keluarga dan sahabat-sahabat khususnya Nadhilah Suhaimi, Nomia Fariza Chin, Fahmi Maula Chin, Najihah Ihsan, Nur Lisa Hakim, Rita Maizura Mohamed, Fara Dayana Mohd Jufry, Siti Rozlina Ismail, Noor Hazaniyah Ahmad Adli, Siti Nornatasha Abd Aziz, Muhammad Azman Masri, Shaziza Amira Sapiee dan semua yang telah banyak menolong saya ketika bangun jatuh saya dalam usaha menyiapkan pengajian ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan yang sering berkongsi ilmu dan kepakaran dalam usaha menyiapkan Penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga kepada sahabat-sahabat di Seniman Paksi Rakyat, IDE dan Ziarah Karyawan yang banyak membantu dari segi pencerahan minda dari sumbangan ilmu dan semasa sepanjang pengajian ini berlangsung.

Inspirasi saya dalam setiap kejayaan yang saya peroleh, Almarhum Haji Hussain Chin Abdullah dan Almarhumah Hajah Minah Haji Jusoh terima kasih atas segala-galanya. Semoga Allah memberi rahmat di atas segala bantuan yang diberikan oleh semua pihak dalam usaha menyiapkan tesis ini. Amin.

Lena Farida Hussain Chin

## **SENARAI KANDUNGAN**

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv

## **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Skop Penyelidikan	7
1.3 Justifikasi Pemilihan Sampel Penyelidikan	10
1.4 Permasalahan Penyelidikan	13
1.5 Objektif Penyelidikan	19
1.6 Persoalan Penyelidikan	20
1.7 Kerangka Konseptual Penyelidikan	21
1.8 Kepentingan Penyelidikan	24
1.9 Istilah Konseptual	25
1.9.1 Kolonialisme	25
1.9.2 Pascakolonial	26
1.9.3 Neokolonialisme	27
1.9.4 <i>Hybridity</i>	27

1.9.5 <i>Mimicry</i>	29
1.9.6 Antitesis	30
1.9.7 <i>Subaltern</i>	30
1.9.8 Dekolonisasii	31
1.9.9 Hegemoni	31
1.9.10 Identiti	32
1.9.11 Identiti Kebangsaan	32
1.9.12 Identiti Peribumi	33
1.9.13 Akulturasii	33
1.9.14 Neo Budaya	34
1.9.15 Nasionalisme	34
1.9.16 Nasionalisme Etnik	34
1.10 Metodologi Penyelidikan	35
1.10.1 Kaedah Kualitatif	35
1.10.2 Pemilihan Masalah Penyelidikan	37
1.10.3 Mengumpul Data	38
1.10.4 Pengekodan dan Menganalisis Data	39
1.10.5 Menganalisis Hasil Penyelidikan	42
1.10.6 Merumuskan Reka Bentuk Penyelidikan	43
1.11 Kerangka Teoretikal	45
1.11.1 Pendekatan Pascakolonial	45
1.11.2 Pendekatan Strukturalisme	57
1.12 Organisasi Tesis	59

## **BAB 2 SOROTAN LITERATUR, SEJARAH DAN LATAR BELAKANG PASCAKOLONIAL DI MALAYSIA**

2.1	Sorotan Literatur	62
2.2	Kolonialisme di Malaysia	85
2.3	Visi Kolonial	94
2.4	Refleksi Pascakolonial	98
2.4.1	Tragedi 13 Mei 1969	98
2.4.2	Konsep <i>Malaysian Malaysia</i>	105
2.4.3	Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan	108
2.4.4	Penggubalan Dasar Ekonomi Baru	111
2.5	Tiga Kaum Utama di Malaysia	112
2.5.1	Sejarah Kaum India di Malaysia	112
2.5.2	Sejarah Kaum Cina di Malaysia	119
2.5.3	Sejarah Kaum Melayu di Malaysia	123

## **BAB 3 DIMENSI PASCAKOLONIAL KAUM INDIA DALAM DRAMA MODEN MALAYSIA**

3.1	Pengenalan	127
3.1.1	K.S Maniam – Penulis <i>The Cord</i>	127
3.1.2	Sinopsis <i>The Cord</i> oleh K.S Maniam	129
3.1.3	Ghulam Sarwar Yousof – Penulis JSPP	133
3.1.4	Sinopsis JSPP oleh Ghulam Sarwar Yousof	135
3.2	Dimensi Sosial, Ekonomi dan Politik dalam <i>The Cord</i> dan JSPP	137
3.2.1	Kesan dan unsur pascakolonial dari aspek sosial	140
3.2.2	Kesan dan unsur pascakolonial dari aspek ekonomi dan politik	170
3.3	Dimensi Budaya Pascakolonial dalam <i>The Cord</i> dan JSPP	176

3.3.1	<i>Hybridity</i>	178
3.3.2	<i>Mimicry</i>	182
3.3.3	Hegemoni dan <i>Subaltern</i>	186
3.4	Rumusan	201

#### **BAB 4 DIMENSI PASCAKOLONIAL KAUM CINA DALAM DRAMA MODEN MALAYSIA**

4.1	Pengenalan	203
4.1.1	Kee Thuan Chye – Penulis WC****YMB	203
4.1.2	Sinopsis WC****YMB oleh Kee Thuan Chye	204
4.1.3	Lee Jor For – Penulis Drama THITB	207
4.1.4	Sinopsis THITB oleh Lee Jor For	209
4.2	Dimensi Sosial, Ekonomi dan Politik dalam WC****YMB dan THITB	211
4.2.1	Kesan dan unsur pascakolonial dari aspek sosial	212
4.2.2	Kesan dan unsur pascakolonial dari aspek ekonomi dan politik	237
4.3	Dimensi Budaya dari Kesan Pascakolonial dalam THITB dan WC****YMB	245
4.3.1	<i>Hybridity</i>	245
4.3.2	<i>Mimicry</i>	251
4.3.3	Hegemoni dan <i>Subaltern</i>	258
4.4	Rumusan	269

#### **BAB 5 DIMENSI PASCAKOLONIAL KAUM MELAYU DRAMA MODEN MALAYSIA**

5.1	Pengenalan	272
5.1.1	Shaharom Husain – Penulis Drama SBTP	272

5.1.2	Noordin Hassan – Penulis Drama Anak Tanjung	273
5.1.3	Sinopsis SBTP	274
5.1.4	Sinopsis Anak Tanjung	276
5.2	Dimensi Sosial, Ekonomi dan Politik dalam SBTP dan Anak Tanjung	280
5.2.1	Kesan dan unsur pascakolonial dari aspek sosial	281
5.2.2	Kesan dan unsur pascakolonial dari aspek ekonomi dan politik	296
5.3	Dimensi Budaya dan Kesan Pascakolonial dalam Drama SBTP dan Anak Tanjung	337
5.3.1	<i>Hybridity</i>	327
5.3.2	<i>Mimicry</i>	334
5.3.3	<i>Hegemoni</i> dan <i>Subaltern</i>	339
5.4	Rumusan	349

## **BAB 6 EVOLUSI IDENTITI KEBANGSAAN MELALUI AKULTURASI DAN NEO BUDAYA**

6.1	Pengenalan	253
6.2	Bentuk Drama Pascakolonial Malaysia	256
6.3	Hubungan Lepas dan Impian Dunia Baharu Dalam Drama Pascakolonial Malaysia	361
6.4	Wacana Malaysia Baharu: Akulturasi dan Pembentukan Neo Budaya	379
6.5	Rumusan	386
6.6	Cadangan Penyelidikan Masa Hadapan	387
6.7	Kesimpulan	388

**BIBLIOGRAFI** 395

**SENARAI LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>	
Jadual 1.1	Jadual Penunjuk Penyelidik Konseptual Teori dan Idealisme Pascakolonial	56
Jadual 2.1	Sistem Residen	89
Jadual 2.2	Kelemahan Sistem Residen	90
Jadual 2.3	Sistem Pecah dan Perintah	91
Jadual 2.4	Kesan Sistem Pecah dan Perintah	92
Jadual 2.5	Visi kolonialisme terhadap Tanah Melayu	96
Jadual 2.6	Prinsip Pembinaan Kebudayaan Kebangsaan	109
Jadual 2.7	Bilangan Kemasukan dan Kepulangan Imigran India di Tanah Melayu 1911-1934 (Emerson, 1987)	115
Jadual 2.8	Komposisi Imigrasi buruh India ke Malaya, 1844-1938	116
Jadual 2.9	Komposisi Imigrasi buruh India ke Malaya secara keseluruhan, 1844-1941	116
Jadual 2.10	Laporan Banci 1931	118
Jadual 2.11	Bilangan Kemasukan dan Kepulangan Imigran Cina di Tanah Melayu 1881-1933	122
Jadual 2.12	Penduduk Tanah Melayu Tahun 1921	126
Jadual 3.1	Identiti Masyarakat Pascakolonial Dalam <i>The Cord</i>	145
Jadual 3.2	Simbol Pascakolonial Dalam <i>The Cord</i>	159
Jadual 3.3	Simbol Pascakolonial Dalam JSPP	163
Jadual 3.4	Identiti Masyarakat Pascakolonial Dalam JSPP	175
Jadual 3.5	Pengaruh <i>Hybridity</i> Dalam Drama Pascakolonial Penulis India Malaysia	180
Jadual 3.6	Pengaruh <i>Mimicry</i> Dalam Drama Pascakolonial Penulis India Malaysia	183

Jadual 3.7	Hegemoni dan <i>Subaltern</i> Dalam Drama Pascakolonial Penulis India Malaysia	187
Jadual 4.1	Identiti Masyarakat Pascakolonial Dalam THITB	220
Jadual 4.2	Simbol Pascakolonial Dalam THITB	224
Jadual 4.3	Simbol Pascakolonial Dalam WC****YMB	236
Jadual 4.4	Identiti Masyarakat Pascakolonial Dalam WC****YMB	243
Jadual 4.5	Pengaruh <i>Hybridity</i> Dalam Drama Pascakolonial Penulis Cina Malaysia	246
Jadual 4.6	Pengaruh <i>Mimicry</i> Dalam Drama Pascakolonial Penulis Cina Malaysia	252
Jadual 4.7	Hegemoni dan <i>Subaltern</i> Dalam Drama Pascakolonial Penulis Cina Malaysia	259
Jadual 5.1	Identiti Masyarakat Pascakolonial Dalam Drama Anak Tanjung	304
Jadual 5.2	Simbol Pascakolonial Dalam Anak Tanjung	315
Jadual 5.3	Simbol Pascakolonial Dalam SBTP	319
Jadual 5.4	Identiti Masyarakat Pascakolonial Dalam SBTP	323
Jadual 5.5	Pengaruh <i>Hybridity</i> Dalam Drama Pascakolonial Penulis Melayu	328
Jadual 5.6	Pengaruh <i>Mimicry</i> Dalam Drama Pascakolonial Penulis Melayu	335
Jadual 5.7	Hegemoni dan <i>Subaltern</i> Dalam Drama Pascakolonial Penulis Melayu	340
Jadual 6.1	Identifikasi Bentuk Drama Pascakolonial Malaysia	358

## **SENARAI RAJAH**

	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1 Data Komposisi Etnik di Malaysia (2010)	11
Rajah 1.2 Fasa Kategori Perubahan Haluan Drama Pascakolonial Madsen (2003)	22
Rajah 1.3 Kerangka Konseptual Penyelidikan	23
Rajah 1.4 Rumusan Reka Bentuk Penyelidikan	44
Rajah 1.5 Bentuk Perubahan Amalan Politik Pascakolonial Quayson (2000)	46
Rajah 1.6 Analisis Teks Pascakolonial Gilbert & Tompkins (1996)	51
Rajah 2.1 Tekanan Konflik dan Krisis Imigran	86
Rajah 3.1 Perubahan Sosial	139
Rajah 6.1 Carta Peratus Persoalan (Konflik) Drama Pascakolonial Malaysia	372
Rajah 6.2 Carta Peratus Taburan Pecahan Persoalan (Konflik) Drama Pascakolonial Malaysia Mengikut Kaum	372
Rajah 6.3 Carta Peratus Matlamat Drama Pascakolonial Malaysia	375
Rajah 6.4 Carta Peratus Taburan Pecahan Matlamat Drama Pascakolonial Malaysia Mengikut Kaum	376
Rajah 6.5 Carta Peratus Dimensi Drama Pascakolonial Malaysia	377
Rajah 6.6 Carta Taburan Pecahan Dimensi Drama Pascakolonial Malaysia Mengikut Kaum	378
Rajah 6.7 Carta Peratus Ideologi Drama Pascakolonial Malaysia	381
Rajah 6.8 Carta Peratus Taburan Pecahan Ideologi Drama Pascakolonial Malaysia Mengikut Kaum	382

## **SENARAI SINGKATAN**

DEB	Dasar Ekonomi Baru
DKK	Dasar Kebudayaan Kebangsaan
dll.	Dan lain-lain
dlm.	Dalam
hlm.	Halaman
JSPP	Jalan Sekerat Pulau Pinang
SBTP	Si Bongkok Tanjung Puteri
THITB	<i>The Happening in The Bungalow</i>
WC****YMB	<i>We Could **** You Mr. Birch</i>
yg.	Yang

## **SENARAI LAMPIRAN**

- |            |  |
|------------|--|
| Lampiran A | Drama <i>The Cord</i> oleh K.S Maniam                        |
| Lampiran B | Drama Jalan Sekerat Pulau Pinang oleh Ghulam Sarwar Yousof   |
| Lampiran C | Drama <i>We Could **** You Mr. Birch</i> oleh Kee Thuan Chye |
| Lampiran D | Drama <i>The Happening In The Bungalow</i> oleh Lee Joo For  |
| Lampiran E | Drama Si Bongkok Tanjung Puteri oleh Sharom Husain           |
| Lampiran F | Drama Anak Tanjung oleh Noordin Hassan                       |

# **AKULTURASI DAN NEO BUDAYA DALAM DRAMA PASCAKOLONIAL**

## **MALAYSIA: EVOLUSI IDENTITI KEBANGSAAN**

### **ABSTRAK**

Penyelidikan ini memfokuskan pada evolusi identiti kebangsaan dalam drama pascakolonial Malaysia yang dibentuk dari proses seminal akulturasi dan neo budaya. Penyelidikan ini dijalankan secara kualitatif dengan menumpukan analisis deskriptif secara kompilasi dari bentuk analisis objektif dan subjektif. Sampel penyelidikan ini difokuskan kepada enam buah drama moden Malaysia berdasarkan fasa masa pascakolonial Madsen dan ciri analisis karya pascakolonial Gilbert dan Tompkins. Bagi menjelaskan evolusi pembentukan identiti kebangsaan drama pascakolonial Malaysia, sampel kajian difokuskan pada karya yang dihasilkan oleh tiga kaum utama di Malaysia yang terdiri dari penulis India, Cina dan Melayu yang diwakili oleh Lee Joo For (The Happening in The Bungalow), Kee Thuan Chye (We Could \*\*\*\* You Mr. Birch), K.S Maniam (The Cord), Ghulam Sarwar Yousof (Jalan Sekerat Pulau Pinang), Shaharom Husain (Si Bongkok Tanjung Puteri) dan Noordin Hassan (Anak Tanjung). Penyelidikan ini menggunakan prinsip-prinsip idealisme pascakolonial yang dijalankan dengan prinsip kaitan dari teori strukturalisme. Objektif penyelidikan ini ialah untuk menjelaskan sintesis evolusi identiti kebangsaan dengan cara mengidentifikasi elemen dan justifikasi bentuk drama pascakolonial Malaysia. Penyelidikan ini juga akan menilai aspek basis dan superstruktur yang terhasil dari pengaruh kolonialisme sehingga terbentuknya akulturasi dan neo budaya dalam dimensi sosial, ekonomi, politik dan budaya masyarakat pascakolonial Malaysia.

# **ACCULTURATION AND NEOCULTURATION IN MALAYSIA**

## **POSTCOLONIAL DRAMA: A NATIONAL IDENTITY EVOLUTION**

### **ABSTRACT**

This research focuses on the evolution of national identity in Malaysian postcolonial drama that formed from the seminal process of acculturation and neoculturation. The research was conducted qualitatively by focusing on compiled descriptive analysis of both objective and subjective forms of analysis. This research sample is based on six modern Malaysian dramas based on the post-colonial period by Madsen and the analytical features of postcolonial work by Gilbert and Tompkins's. To explain the evolution of the national identity of Malaysian postcolonial drama, a sample of the study was focused on works by three major races in Malaysia comprising Indian, Chinese and Malay authors represented by Lee Joo For (The Happening in The Bungalow), Kee Thuan Chye (We Could \*\*\*\* You Mr. Birch), K.S Maniam (The Cord), Ghulam Sarwar Yousof (Jalan Sekerat Pulau Pinang), Shaharom Husain (Si Bongkok Tanjung Puteri) and Noordin Hassan (Anak Tanjung). This research uses principles of postcolonial idealism that are intertwined with the principles of structuralism. The objective of this research is to explain the synthesis of the evolution of national identity by identifying elements and justifications of Malaysian postcolonial drama. This study will also examine the underlying aspects and superstructures that result from the influence of colonialism and the formation of acculturation and neo culture in the social, economic, political and cultural dimensions of the postcolonial society in Malaysia.

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Permulaan drama<sup>1</sup> moden Malaysia ditandai dengan lahirnya skrip bercetak kerana jentera itu adalah lambang kemodenan. Kemodenan drama moden Malaysia juga dimulai pada era realisme<sup>2</sup> apabila ramai anak Melayu yang balik dari luar negara membawa bersama pemikiran ideal untuk merubah masyarakat. Menariknya sejarah drama moden Malaysia ini kerana ia bergerak seiring dengan rentetan politik di Malaysia. Hal ini disebabkan oleh ideologi penulis-penulis muda yang menzahirkan refleksi perkembangan politik ke dalam karya mereka. Aliran realisme<sup>3</sup> di Malaysia mengkritik dasar kerajaan secara terbuka melalui isu sosial dan kekeluargaan dengan teknik komedi mahupun tragedi.

Menurut Nur Nina Zuhra (1992), kemerdekaan negara memberikan kesan kepada sambutan penulis drama pentas terhadap pembangunan negara. Sebagaimana era nasionalisme meninggalkan jejak yang kuat terhadap drama tahun 1950-an, kesan kemerdekaan dapat dilihat menerusi tumpuan penulis dalam membangunkan tema dan gaya drama realistik pada tahun 1960-an. Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, tenaga negara baharu telah diarahkan ke arah proses pembinaan negara. Maka, matlamat negara menjadi lebih khusus dan pelbagai rupa. Rancangan Malaysia

---

<sup>1</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan drama 1. membawa maksud karya yang dipersembahkan oleh pelakon di pentas, radio, atau TV.

<sup>2</sup> Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) realisme ditakrifkan sebagai 1. fahaman atau ajaran yang berdasarkan kenyataan. 2. Aliran sastera dan seni lukis yang menggambarkan kisah hidup sebenar (bukan khayalan).

Pertama yang diwujudkan sebagai fasa awal pelan 20 tahun (1965-1970) telah memberi penekanan kepada orientasi masa hadapan kepimpinan baharu Malaysia. Melalui naskhah mereka, Nur Nina Zuhra (1992) melihat penulis drama moden menyokong idea pembangunan negara tetapi dalam masa yang sama mereka menyatakan kebimbangan mereka terhadap perkembangan tersebut. Berdasarkan ulasannya, para penulis drama banyak mengingatkan masyarakat tentang nilai-nilai sosial yang bercanggah perlu dinilai secara berhati-hati dan masalah corak sosial negara baharu harus diselesaikan agar perjalanan pembangunan Malaysia tidak merosot. Kebimbangan mereka itu merujuk khusus kepada masyarakat Malaysia. Pada masa yang sama, mereka menumpukan perhatian mengenai pembinaan integriti dan kejayaan bangsa yang baharu.

Pada tahun 1960-an, drama pentas Malaysia dan Barat (di Malaysia) dipengaruhi oleh aliran realisme yang menawarkan medium langsung yang mudah difahami. Lebih penting lagi ia berfungsi sebagai gagasan komunikasi idea-idea yang relevan kepada masyarakat dengan memulakan amalan mod realistik secara jelas. Salah satu drama pertama realistik teladan adalah *Di Balik Tabir Harapan* yang ditulis dan diarahkan pada tahun 1960 oleh Mustapha Kamil Yassin. Krishen Jit (1986) berpendapat, pada tahun 1963 drama moden Malaysia telah berada di barisan hadapan formasinya di mana gaya sandiwara sudah tidak menjadi daya penggerak dalam teater Melayu. Beliau membuat kesimpulan tersebut setelah mengamati tiga persembahan drama terkumpul yang berlaku pada tahun 1963 iaitu drama sosial realistik oleh Awang Had Salleh yang berjudul *Buat Menyapu Si Air Mata* (1975)<sup>4</sup>, drama moden

---

<sup>4</sup> Walau telah banyak kali dipentaskan pada tahun 1960-an, drama *Buat Menyapu Si Air Mata* diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1975.

klasik Mustapha Kamil Yassin berjudul Atap Genting Atap Rumbia (1972)<sup>5</sup> dan drama Sial Bertuah (2006)<sup>6</sup> oleh Kalam Hamidi. Sial Bertuah merupakan salah satu drama yang paling popular pada 1960-an. Drama ini pertama kali dipentaskan di festival drama di Singapura. Selepas tahun 1963, teater perwakilan telah menjadi gaya yang dominan dalam kalangan penulis drama pentas Melayu dalam dekad itu (Nur Nina Zuhra, 1992). Semenjak itu drama moden terus berlumba dengan isu-isu sosial semasa berkisar keadaan pembangunan negara. Matlamat utama kerajaan baharu ialah memperluaskan peluang pendidikan terutamanya bagi orang Melayu luar bandar. Tegas beliau lagi, mereka ini merupakan kumpulan di bawah pengaruh pendidikan zaman penjajahan. Guru dan pelajar merupakan watak-watak yang sama dalam drama moden. Dalam plot drama moden yang tipikal, seorang guru atau bakal graduan akan memutuskan untuk berkhidmat kepada rakyat di kawasan luar bandar kerana keperluan pendidikan di kawasan tersebut adalah tinggi. Tema-tema jenis ini secara tidak langsung telah menyokong percubaan kerajaan untuk pembangunan pelajaran di kawasan luar bandar.

Rentetan dari rusuhan 1969<sup>7</sup>, perubahan bentuk drama moden Malaysia mula berubah. Simbolisme<sup>8</sup> dalam drama moden telah menjadi titik tolak di Malaysia. Noordin Hassan (1979) telah menulis Bukan Lalang Ditiup Angin (BLDA)<sup>9</sup> untuk mengkritik kerajaan secara lantang tapi tidak terbuka. Menurut Solehah Ishak (2006),

---

<sup>5</sup> Walau telah banyak kali dipentaskan pada tahun 1960-an, drama Atap Genting Atap Rumbia diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1972.

<sup>6</sup> Walau telah banyak kali dipentaskan pada tahun 1960-an, drama Sial Bertuah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2006 dalam antologi drama pentas berjudul Nyiur Gading Puncak Mahligai.

<sup>7</sup> Rusuhan 1969 adalah peristiwa tragedi 13 Mei 1969 yang akan dibincangkan secara lanjut dalam Bab 2 tentang sejarah dan latar belakang.

<sup>8</sup> Definisi simbolisme dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) ialah 1. penggunaan simbol (lambang) untuk melahirkan atau menyampaikan sesuatu..

<sup>9</sup> BLDA diterbitkan pada tahun 1979 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noordin Hassan merupakan pelopor drama antirealisme dalam tahun 1970-an yang bermula dengan BLDA. Menurut beliau, hasil cetusan drama nati realisme, fenomena drama dan teater Melayu berubah lagi menjadi eksperimental dan dikenali dengan pelbagai nama. Seterusnya, penulis di Malaysia semakin berani bereksperimen dan gemar mengkritik isu politik di Malaysia. Namun, pada masa sama, karya-karya realisme masih terus giat dihasilkan dalam bentuk tersendiri sehingga munculnya pelbagai aliran baharu seperti neo realisme<sup>10</sup>, absurd<sup>11</sup> dan juga eksperimental<sup>12</sup> yang mencetuskan pelbagai isu serta ideologi. Menurut Fazilah Husin (2007) teater aliran eksperimental telah berkembang di Malaysia sejak tahun 1970-an, bermula dengan pementasan, Bukan Lalang Ditiup Angin oleh Noordin Hassan pada tahun 1970 di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak. Rentetan daripada pementasan itu, penonton telah dihidangkan dengan beberapa produksi lagi yang juga membawakan pementasan yang bersifat anti realistik. Menurut beliau lagi, beberapa nama dramatis yang sangat sinonim dengan perkembangan ini termasuklah Hatta Azad Khan, Johan Jaaffar, Dinsman, Abdul Aziz H.M, Khalid Salleh, Mana Sikana, dan Syed Alwi. Nama-nama itu dan hasil karya mereka telah meletakkan 1970-an sebagai suatu zaman kegemilangan bagi teater eksperimental Melayu (TEM) di Malaysia. Melihat kepada perkembangan teater di Malaysia, selain isu dan ideologi yang ingin disampaikan, perkara yang diketengahkan secara jelas sangat mempengaruhi bentuk serta formasi aliran dan genre. Dua perkara ini menjadi wajah dan acuan kepada

---

<sup>10</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mentakrifkan neo sebagai awalan asing baharu. Neo realisme bolehlah dirujuk sebagai kata konseptual yang didefinisikan sebagai bentuk baharu realisme yang telah diubahsuai. Maksud neo realisme yang diberikan oleh *Oxford Dictionaries: A movement or school in art or philosophy representing a modified form of realism.* <http://www.oxforddictionaries.com/definition/english/neorealism>.

<sup>11</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) menyatakan maksud absurd ialah mustahil, tidak masuk akal, bertentangan dengan fikiran yang waras.

<sup>12</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) menjelaskan bahawa eksperimental bukan (berasaskan, bersifat) eksperimen, bersifat percubaan. Rujuk Fazilah Husin (2007) Teater Eksperimental Melayu: Satu Penyelidikan Bentuk dan Struktur Dramatik. Universiti Sains Malaysia.

penyamaran di sebalik tuntutan sebenar. Dalam erti kata lain, aliran dan genre bentuk drama pasca moden<sup>13</sup> pada ketika itu mempunyai dua fungsi utama. Pertama ialah ideologinya. Kedua ialah bentuknya. Kedua-dua elemen ini digarap menjadi satu formasi secara simbolik. Demikianlah yang dikatakan mengkritik dengan lantang tapi tidak berbuka. Hal ini mungkin berlaku disebabkan oleh beberapa faktor yang melibatkan situasi undang-undang negara. Namun, undang-undang digubal bukan untuk menyekat kebebasan bersuara namun sebaliknya berperanan sebagai agen untuk menjaga ketenteraman masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Seorang lagi pengarang drama utama yang amat terkesan dengan peristiwa 13 Mei 1969 ialah Syed Alwi. Sebelum tahun 1969, Syed Alwi telah menjadi penulis dan pengarah drama bahasa Inggeris. Sekian lamanya, beliau telah mengambil bahagian dalam teater Barat yang dihasilkan oleh ekspatriat yang tinggal di Malaysia. Selain itu, beliau juga menerima latihan teater di Universiti Minnesota, USA. Pada ketika itulah beliau menulis drama pentas pertamanya yang berjudul *The More We Get Together*<sup>14</sup>. Beliau sering terlibat dengan produksi teater Barat yang diterajui oleh ekspatriat<sup>15</sup> yang tinggal di Malaysia. Pada tahun 1967, Syed Alwi dan rakan-rakannya mementaskan drama berjudul "coup d'etat" diketuai ekspatriat Malaysia Arts Theater Group (MATG) melalui satu pilihan umum dalam pemilihan mengetuai organisasi. Inilah pertama kalinya teater dalam Bahasa Inggeris di Malaysia telah dihasilkan sepenuhnya

---

<sup>13</sup> Pasca merupakan awalan asing sesudah, selepas, setelah. Moden ialah dari masa sekarang, berkaitan dengan masa kini, yang terbaharu, cara (kaedah) baharu, mutakhir (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Pasca moden boleh ditakrifkan sebagai sesudah ataupun setelah masa sekarang. Kamus Oxford Learner's Dictionary: International Student's Edition (2010) menerangkan *postmodern connected with or influenced by postmodernism. 2. Postmodernism: a style and movement in art, architecture, literature, etc. in the late 20th century that reacts against modern styles, for example by mixing features from traditional and modern styles.*

<sup>14</sup> Menurut Nur Nina Zuhra, *The More We Get Together* merupakan karya pertama Syed Alwi yang ditulis ketika beliau belajar di *Unicersity Minnesota* (Mimi Chan, 1991).

<sup>15</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan ekspatriat sebagai (orang) yang tinggal di negara asing: pegawai.

oleh rakyat Malaysia sendiri. Persembahan perdana drama pentas Malaysia oleh kumpulan ini telah dipersembahkan pada tahun 1968. Judulnya ialah Lela Mayang dan merupakan adaptasi kisah bangsawan. Walaupun tidak menguntungkan, MATG sangat berpuas hati apabila mampu mencapai ekspresi diri dengan mengurangkan cengkaman teater Barat yang selama ini dipraktikkan mereka. Signifikannya langkah ini adalah cenderung kepada pembangunan teater Bahasa Inggeris dan ia masih di luar bidang pergerakan drama moden Bahasa Melayu. Bagaimanapun, selepas peristiwa 13 Mei 1969, Syed Alwi telah memutuskan bekerja hanya untuk teater Melayu. Semenjak itu, beliau telah menjadi pengarang utama drama bahasa yang mempunyai pengaruh Melayu. Menurut Krishen Jit (1986), pemaparan semangat nasionalisme dalam teater bukanlah satu unsur yang hanya diperlihatkan oleh pembikin teater tahun 1970-an malah unsur tersebut timbul serentak dengan bangkitnya semangat nasionalisme dalam sejarah moden Malaysia. Menurut Zakaria Ariffin (1984), drama Melayu moden dibahagikan kepada tiga (3) zaman iaitu zaman sandiwara, zaman realisme dan zaman kontemporari. Krishen Jit (1986) menjelaskan imej serta simbol yang telah merangsang rasa bangga terhadap budaya peribumi terus ditonjolkan melalui penulisan serta persembahan teater yang dinamakan sandiwara. Menurut beliau lagi karya-karya seperti SBTP (Shaharom Husain), Hang Jebat Menderhaka (Ali Aziz) dan Matinya Seorang Pahlawan (Usman Awang) telah memperlihatkan unsur-unsur nasionalisme dan menimbulkan nada yang mencabar alam feudal yang dikatakan mencerminkan tuntutan-tuntutan kekinian dalam masyarakat menjelang merdeka dan baharu merdeka.

Tuntutan-tuntutan ini merupakan terjemahan suara sosial dalam sesebuah masyarakat. Seperti yang boleh kita lihat dalam ruang pascakolonial, tujuan

penghasilan drama dilihat dari perspektif yang dikaitkan dengan aspek sejarah Malaysia selepas zaman penjajahan. Maka itu, dengan mengambil kira takrifan Zakaria Ariffin dan Krishen Jit, dapatlah disimpulkan bahawa perkembangan drama moden Malaysia dibahagikan kepada dua fasa. Pertama, drama sebelum merdeka dan kedua ialah drama selepas merdeka. Bertitik tolak dari hal ini, konotasi drama pascakolonial Malaysia bolehlah ditakrifkan sebagai drama yang dihasilkan selepas zaman penjajahan iaitu merujuk kepada zaman selepas merdeka. *Isme* ini mengutarakan isu-isu sosial yang merangkumi prasarana sosial, politik dan ekonomi yang berlaku daripada pengaruh dan kesan pascakolonial yang membabitkan antaranya soal pendidikan, budaya, perkauman, gender, hegemoni dan subordinat yang mencetuskan ketidaksamaan sosial.

## **1.2 Skop Penyelidikan**

Penyelidikan ini merupakan sebuah analisis kritis yang memfokuskan kepada pembentukan identiti kebangsaan dalam drama pascakolonial Malaysia. Melihat kepada hasil penyelidikan-penyelidikan terdahulu, secara umumnya penyelidik membicarakan idea-idea yang diterjemahkan oleh penulis dalam pembentukan wacana pascakolonial itu sendiri. Kesemua penyelidikan hanya berdiri secara sendiri berdasarkan kepada tunjang idea yang dirangsang melalui kesedaran perspektif dan respons penulis terhadap reaksi-reaksi antikolonial yang berbangkit dalam ruang kebudayaan yang berbeza dari segi pegangan, pengalaman, desakan, dilema dan kesan polemik dari ruang definisi masing-masing.

Oleh itu, sebanyak enam (6) buah drama moden Malaysia yang dipilih untuk dijadikan sampel penyelidikan ini. Pilihan naskhah-naskhah drama tersebut

berdasarkan kepada kriteria yang dipertimbangkan berdasarkan empat (4) ciri karya pascakolonial (rujuk Rajah 1.6). Namun, penyelidikan ini dilakukan bukan sahaja melihat dan menganalisis dekonstruksi khusus berdasarkan ciri-ciri tersebut malah secara dasarnya haruslah mempraktikkan idea pascakolonial. Penyelidikan ini juga akan menilai semula pemikiran tentang sejarah berdasarkan tema dan persoalan drama-drama tersebut. Proses ini melibatkan penjanaan semula format melalui bukti kendiri daripada unsur-unsur yang membentuk struktur drama pascakolonial Malaysia dari segi pembinaan prinsipal daripada nilai-nilai intrinsik<sup>16</sup> dan ekstrinsik<sup>17</sup> pascakolonial dalam drama-drama tersebut. Nilai-nilai yang akan diberikan perhatian dalam penyelidikan ini ialah nilai sosial yang dipengaruhi oleh budaya, ekonomi serta politik yang menjadi refleksi kepada karya-karya tersebut.

Garapan penyelidikan ini meliputi saranan bersesuaian daripada tokoh-tokoh dan penyelidik pascakolonial. Penstrukturan pembacaan data pula difragmentasikan berdasarkan aksi kolektif sejarah Malaysia. Hal ini kerana drama-drama di Malaysia mempunyai bentuk dan acuan tersendiri berdasarkan pengalaman dijajah dan tuntutan pascakolonial yang berbeza dari sudut laluan pengalaman dan persejarahan. Gilbert dan Tompkins (1996) menegaskan bahawa drama pascakolonial menggunakan pelbagai strategi yang sama dalam representasi untuk menonjolkan ciri-cirinya agar kelihatan penting dalam perspektif sejarah dan seumpamanya. Hal ini bertujuan untuk membubarkan kuasa yang wujud dalam cerita rasmi. Projek dekonstruktif yang meluas dalam karya pascakolonial bukan sahaja menuntut pemikiran semula kandungan

---

<sup>16</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) menjelaskan intrinsik sebahagian daripada sifat atau ciri seseorang atau sesuatu.

<sup>17</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan ekstrinsik sebagai berasal atau bertindak dari luar.

sejarah, tetapi juga membuat perubahan kepada (sesuatu), terutamanya untuk menjadikannya lebih terkini dalam bentuk aksiom<sup>18</sup> itu.

Tumpuan penyelidikan hanya kepada unsur pascakolonial dalam drama moden Malaysia terpilih. Enam (6) buah teks drama moden Malaysia terpilih didapati mempunyai empat (4) ciri asas pascakolonial berdasarkan garis panduan yang telah dinyatakan oleh teori pascakolonial oleh Gilbert dan Tompkins. Naskhah drama terpilih berdasarkan garis fasa masa Madsen akan dikaji berteraskan kepada dua (2) skop dimensi idealisme pascakolonial iaitu dimensi sosial, ekonomi dan politik serta dimensi budaya yang digariskan mengikut panduan prinsip kaitan strukturalisme. Elemen-elemen ini akan dianalisis berdasarkan konseptual idealisme teoretikal pascakolonial yang sesuai dan berpadanan dengan genre drama tersebut. Usaha ini bertujuan menjelaskan unsur yang membentuk drama pascakolonial Malaysia.

Penyelidikan ini terbatas kepada naskhah drama moden Malaysia terpilih yang telah diterbitkan secara penerbitan buku ataupun penerbitan berwasit. Drama-drama yang akan menjadi sampel untuk penyelidikan ini ialah:

- i. *The Cord* (1983) karya K.S Maniam
- ii. *Jalan Sekerat Pulau Pinang*<sup>19</sup> (1981) karya Ghulam Sarwar Yousof
- iii. *We Could \*\*\*\* You Mr. Birch*<sup>20</sup> (1994) karya Kee Thuan Chye
- iv. *The Happening In The Bungalow*<sup>21</sup> (1969) Karya Lee Joo For

---

<sup>18</sup> Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2005) mendefinisikan aksiom sebagai pernyataan yang diterima umum (tidak dibuktikan tetapi ternyata dari pengalaman sebagai suatu kebenaran) dan menjadi asas bagi sesuatu huraian.

<sup>19</sup> Jalan Sekerat Pulau Pinang akan dirujuk sebagai daftar singkatan JSPP dalam penyelidikan ini.

<sup>20</sup> *We Could \*\*\*\* You Mr. Birch* akan dirujuk sebagai daftar singkatan WC\*\*\*\*YMB dalam penyelidikan ini.

<sup>21</sup> *The Happening In The Bungalow* akan dirujuk sebagai daftar singkatan THITB dalam penyelidikan ini.

- v. Anak Tanjung (1989) Noordin Hassan
- vi. Si Bongkok Tanjung Puteri<sup>22</sup> (1961) Shaharom Husain

Melalui beberapa definisi yang diutarakan, pascakolonial juga boleh dilihat sebagai lanjutan dari kolonialisme walaupun ianya melalui hubungan yang berbeza tentang kekuasaan dalam mengendalikan pengeluaran ataupun pengetahuan. Oleh itu, rujukan fasa masa drama moden Malaysia dalam wacana pascakolonial ini tidak hanya bergerak selepas zaman kemerdekaan. Tetapi juga bergerak pada zaman kolonialisme itu sendiri dan kemudian menyusur kepada zaman selepas kemerdekaan seperti yang diutarakan oleh Madsen (2003). Pascakolonial menunjukkan kepelbagaiannya tempat dijajah dengan menganalisis kesan berbeza kolonialisme Barat pada tempat, masyarakat dan budaya. Hal ini dilakukan dengan melibatkan pelbagai cara perubahan reproduksi hubungan, amalan dan perwakilan dari sejarah masa lalu. Namun dalam penyelidikan ini, drama-drama terpilih difokuskan pada zaman selepas kemerdekaan.

### **1.3 Justifikasi Pemilihan Sampel Penyelidikan**

Kelainan penyelidikan ini adalah melalui sampel yang dikemukakan. Sampel penyelidikan ini memperlihatkan ideologi serta reaksi penulis daripada tiga kaum utama di Malaysia iaitu Melayu<sup>23</sup>, Cina dan India.

Rasional pemfokusan ini bertujuan untuk melihat evolusi pembentukan identiti kebangsaan oleh tiga kaum utama dalam negara Malaysia. Hal ini kerana pengkarya bukan Melayu melalui fasa evolusi sejarah dan kesan yang berbeza. Maka, faktor


---

<sup>22</sup> Si Bongkok Tanjung Puteri akan dirujuk sebagai daftar singkatan SBTP dalam penyelidikan ini.

<sup>23</sup> Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, kaum Melayu diklasifikasikan sebagai kaum Bumiputera. Sila rujuk <https://www.dosm.gov.my/>

penghasilan karya adalah berbeza dari sudut pandang kaum masing-masing mengikut kepada faktor dilema dan konflik yang dihadapi.

Krippendorff (1980) menjelaskan bahawa proses pensampelan diarahkan oleh sebuah pelan pensampelan. Pelan pensampelan tersebut menghuraikan secara rinci bagaimana seseorang penyelidik mengambil semua sampel yang dipilih dari unit-unit yang secara kolektif representatif. Syed Arabi Idid (1993) merinci bahawa sebelum seseorang penyelidik menjalankan sesbuah penyelidikan maka beliau perlu menentukan dua perkara asas terlebih dahulu iaitu mengkaji keseluruhan populasi<sup>24</sup> itu dan kedua mengkaji sebahagian elemen yang terdapat di dalam sesbuah populasi yang disebut sebagai pensampelan. Satu sampel ialah satu bahagian daripada populasi (rujuk Rajah 1.1).



Rajah 1.1: Data Komposisi Etnik di Malaysia (2010)  
Sumber: Olahan Semula dari Data Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>24</sup> Perkataan populasi digunakan oleh Syed Arabi Idid (1992) kerana beliau menghuraikan contoh penyelidikan sains sosial yang melibatkan penyelidikan populasi mengenai pendapat pelajar universiti terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti. Populasi di sini menunjukkan kepada nilai atau jumlah.

Selain itu, penyelidikan ini akan menumpukan kepada enam (6) buah drama terpilih yang akan dijadikan sebagai sampel penyelidikan. Justifikasi pemilihan enam (6) sampel ini berdasarkan kepada beberapa nilai yang disempadani bidang dan topik yang terkandung dalam penyelidikan. Enam (6) sampel yang dipilih oleh penyelidik ini mewakili padanan identiti kebangsaan dengan mengambil kira penghasilan karya dari tiga kaum utama di Malaysia. Takrif tiga kaum utama yang dinyatakan dalam penyelidikan ini dirujuk dari Jabatan Perangkaan Malaysia. Dua sampel drama akan diambil dari penulis berbangsa Melayu, dua sampel dari penulis berbangsa Cina dan dua lagi dari sampel penulis berbangsa India.

Selain daripada aspek bangsa, ciri-ciri lain yang diambil kira dalam pemilihan sampel tersebut adalah idea dan isu pascakolonial yang diutarakan secara jelas dalam naskhah melalui isu, tema dan persoalan yang merujuk pada teori yang diperkenalkan oleh Gilbert dan Tompkins (1996). Pemilihan ini dibuat setelah penyelidik membuat perincian mengenai penyelidikan drama pascakolonial yang telah diutarakan dalam penyelidikan terdahulu. Namun, ia tidak memberi sebarang masalah kepada dapatan penyelidikan terdahulu yang dilakukan secara subjektif yang dilihat dari satu perspektif sahaja. Idea dan tema penyelidikan dikupas berdasarkan perspektif pascakolonial secara umum. Sebaliknya, penyelidikan ini akan mengupas kehadiran wacana pascakolonial secara khusus dengan mengambil karya dalam fasa selepas penjajahan.

Penyelidikan ini akan memperlihatkan hasil dari tiga kaum majoriti di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India sebagai perwakilan tiga kaum utama di Malaysia. Ketiga-tiga kaum ini telah melalui fasa kolonialisme di Malaysia. Namun

prinsip dan tuntutan nilai setiap darinya berbeza. Setiap bangsa mempunyai nilai sejarah dan budaya yang berbeza ketika melalui zaman kolonial. Nilai sejarah dan budaya itulah yang mencetuskan dilema, konflik serta krisis yang dipendam dan diperjuangkan. Masing-masing mewakili sekumpulan bangsa yang terlibat dalam wacana pascakolonial biarpun mereka berada dalam satu wilayah atau negara. Kesan daripada itu, perjuangan menjadi asing disebabkan oleh tuntutan kesamaan sosial yang berbeza.

#### **1.4 Permasalahan Penyelidikan**

Drama moden Malaysia diwarnai dengan pelbagai bentuk, genre dan gaya. Perkembangan drama moden itu sendiri menelusuri sejarah yang panjang. Kisah sosial dan politik dari wacana kolonialisme sering menjadi bahan utama yang diketengahkan oleh penulis drama pentas Malaysia. Karya pascakolonial telah wujud belum merdeka. Kolonialisme Barat telah merombak dan mencabul sistem pemerintahan sedia ada. Sebelum mencapai kemerdekaan, perubahan haluan dalam karya drama moden Malaysia telah menunjukkan impak dan kesan dari Barat. Lawyer Dahlan (1941) karya Shaharom Husain merupakan karya drama moden terawal yang dipentaskan dan diskripkan.

Drama ini membawa persoalan dan kritikan nasionalisme bangsa Melayu dalam usaha menyemarakkan semangat kebangsaan. Paparan pengaruh negatif kehidupan dan pendidikan barat yang bertentangan dengan timur diangkat menjadi tema utama dalam menyampaikan pemikiran beliau. Beliau mengkritik ketidaksesuaian sistem dan budaya Barat yang dibawa ke dalam budaya Timur. Norma-norma yang diamalkan tidak selari dan ini mewujudkan pertentangan dua nilai

yang merosakkan budaya sedia ada. Mana Sikana (2006) menjelaskan bahawa negara kolonialisme dan pascakolonial sering kali membuat penilaian terhadap sebarang perubahan yang berlaku dalam konteks tradisional kepada moden dengan menyadur elemen dan unsur dari Barat. Mana Sikana telah merujuk kepada Shaharom Husain untuk hal ini. Beliau berpendapat bahawa Shaharom Husain merupakan seorang pelopor dalam penulisan skrip dan pengarahan yang menjurus mengikut landasan dan teori pengarahan.

Hal ini bermaksud, definisi makna drama pascakolonial dalam konteks Malaysia bukan sahaja merujuk pada zaman selepas merdeka, tetapi telah wujud semasa zaman kolonialisme lagi. Kewujudan ini disebabkan oleh perjuangan dan kebangkitan nasionalisme oleh intelektual Melayu yang sekian lama memperjuangkan kemerdekaan dari segenap segi yang merujuk kepada semua nilai penjajahan dari aspek budaya, adat, agama, pendidikan, ekonomi, politik dan sosial semenjak kemasukan kolonial British ke Tanah Melayu.

Penghasilan karya pascakolonial menyusur zaman sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Semenjak itu, Malaysia menghadapi pelbagai rencah dan rencana dalam kemelut sosial, ekonomi dan politik semasa. Walau bagaimanapun, kehadiran drama pascakolonial selepas kemerdekaan memperlihatkan perjuangan nasionalisme Melayu bukan lagi menjadi teras utama. Sebaliknya, perjuangan kebangsaan telah mengambil tempat dalam keadaan ini.

Kesan dari zaman kolonialisme yang telah membuka pintu Tanah Melayu kepada orang luar menjadikan negara ini didatangi ramai oleh lain-lain bangsa. Dasar-

dasar yang diperkenalkan oleh British telah membawa masuk pedagang, buruh dan pelombong dari India dan Cina telah menjadikan dua kaum ini menjadi ramai. Kehadiran mereka berserta budaya, adat, agama dan kehidupan yang berbeza resam dan resminya. Berasal dari kelompok dunia dan nostalgia dari sosial serta geografi berbeza, nilai-nilai yang dibawa ini turut bertentangan dengan nilai-nilai sedia ada penduduk peribumi. Rentetan dari itu, sebagai sebuah negara yang sedang membangun, pelbagai dasar digubal untuk membangunkan negara dari segenap segi termasuklah dasar yang perlu mengimbangi perbezaan nilai ini namun dalam pada masa yang sama hak dan keistimewaan bangsa asal Tanah Melayu dan agama Islam menjadi teras perlembagaan negara Malaysia.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum yang berbeza adat, agama dan budaya, keamanan menjadi tugas teras kewajipan dan tanggungjawab utama kerajaan pemerintah. Pelaksanaan pelbagai dasar ke arah pembangunan, pemerintah juga menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran. Idea pembangunan identiti kebangsaan yang berteraskan kepada perlembagaan khususnya yang melibatkan perjuangan kesamarataan hak untuk setiap kaum sering dipertikaikan. Sehubungan itu, kewujudan kontrak sosial<sup>25</sup> seakan-akan menjadi satu masalah kepada kaum bukan bumiputera. Walhal, perkara 3, 4, 152 dan 153 perlembagaan persekutuan dalam kontrak sosial membuktikan bahawa kefahaman yang tercapai di antara orang Melayu dan bangsa lain telah wujud sebelum mencapai kemerdekaan. Namun begitu, kontrak sosial bukanlah satu peruntukan dalam perlembagaan. Maka itu kedudukannya selalu dicabar dan dijadikan sebagai kemelut politik yang menjarakkan bangsa Melayu dengan lain-lain bangsa.

---

<sup>25</sup> Rujuk Mohd Rizal Yaakop & Shamrahayu A.Aziz, 2014. Kontrak Sosial: Perlembagaan Persekutuan 1957 Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka.

Melihat kepada persetujuan asal dalam mencapai kemerdekaan, suara dan pemikiran bangsa-bangsa utama lain tidak boleh diketepikan. Pertumbuhan pemikiran dan ideologi dalam kalangan mereka harus diberi perhatian. Sejajar dengan itu, lahirnya karya-karya drama pascakolonial oleh lain-lain bangsa. Antara penulis bukan Melayu yang terkenal dengan penulisan karya kreatif dan penulisan sosial serta isu politik ialah Kee Thuan Chye. Beliau sering melontarkan isu-isu diskriminasi perkauman dalam drama-dramanya seperti *1984 Here and Now* (1985) dan *The Big Purge* (2005).

Melihat kepada idea yang diketengahkan, Kee Thuan Chye membidas isu-isu kebebasan bersuara dalam menuntut hak oleh kaum bukan bumiputera. Beliau melihat senario politik pada ketika itu sebagai satu landasan diskriminasi kaum yang tidak menemui jalan kesudahannya. Hal demikian disebabkan oleh himpitan dasar-dasar kerajaan yang dilihat tidak telus dan tidak sama rata dan menyebabkan kerugian pada kemajuan negara. Bukan sahaja Kee Thuan Chye, malah gelombang drama pentas 1960-an dan 1970-an telah mempamerkan isu-isu ini. Menurut Krishen Jit (1986), pada tahun kedua tahun 1960-an telah muncul drama-drama yang mempamerkan nada kecewa terhadap kemajuan negara antaranya ialah *Di Mana Bulan Selalu Retaik* (A. Samad Said) dan *Warga Tak Bernama* (Aziz Jahpin). Krishen Jit melihat kaedah penyampai mesej dan imej drama-drama ini masih dipengaruhi oleh struktur drama barat yang realistik. Namun segala-galanya mula berubah apabila fasa drama memasuki era 1970-an. Karya-karya drama dari penulis-penulis seperti Noordin Hassan, Dinsman, Syed Alwi, Johan Jaafar, Aziz H.M dan Hatta Azad Khan telah berusaha mengadunkan cerita serta perwatakan yang bercorak tempatan dengan pengisian dan penyampaian yang melangkaui sistem teater realistik. Melihat kepada

perkembangan teater dalam Pesta Teater 1979<sup>26</sup> yang dianjurkan oleh Majlis Kebudayaan Kuala Lumpur dan Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya, Kee Thuan Chye (1979) menyifatkan Pesta Teater 1979 telah berjaya menonjolkan pencapaian teater moden Melayu malah turut mewujudkan kesedaran tentang kelemahan mutu piawaian semasa.

Begitu juga dengan perkara yang diketengahkan oleh Ghulam Sarwar Yousof dalam karya pascakolonial beliau, iaitu JSPP. Persoalan diskriminasi ini diperbincangkan secara langsung dalam drama tersebut. Ghulam memperlihatkan keadaan dan realiti kehidupan kaum Melayu yang mundur walaupun pelbagai hak keistimewaan disediakan kepada mereka. Kaum India pula masih tersepit dengan nostalgia adat resam yang dibawa secara turun temurun. Dalam dunia yang terus membangun dengan arus kemodenan, kedua kaum ini diperlihatkan masih meringkuk dalam ideologi yang masih kompleks. Sikap dan dilema mereka dikritik dengan terbuka sebagai rakyat Malaysia yang mendukung kewarganegaraan sama tetapi tidak mempunyai hak yang sama. Gambaran kemunduran peribumi jelas dirosakkan oleh segala hak yang ada. Mereka kelihatan selesa dan natijahnya membuat mereka malas berusaha.

Menyedari hakikat di atas, bentuk perjuangan yang diutarakan dalam drama pascakolonial tidak boleh dinilai dari satu kaum saja. Seharusnya perwakilan ini mewakili keseluruhan bangsa Malaysia yang mempunyai dilema yang berbeza. Sehubungan itu, satu siri penyelidikan yang meliputi bentuk perjuangan ketiga-tiga

---

<sup>26</sup> Kee Thuan Chye. (1979). *Pesta Teater 1979 and the State of Modern Malay Theatre*. Jun. Asiaweek.

kaum utama (Melayu, Cina dan India) harus dilihat sebagai teras perjuangan nasionalisme dalam konteks yang digerakkan oleh wacana pascakolonial.

Dilema, himpitan dan ketegangan sosial dan politik semasa harus dibawa selari bagi mengukur tahap identiti kebangsaan. Sejauh manakah perjuangan nasionalisme berpusat atas realiti sejarah yang dibawakan oleh kolonialisme lalu? Bentuk dan manifestasi drama dari tiga kaum utama ini harus dikenal pasti bagi menggulung hujah dan hipotesis perjuangan mereka. Sebelum ini, rata-rata hasil penyelidikan melihat dan memperkuuh isu pascakolonial secara sendiri.

Belum pernah penyelidikan drama yang mewakili tiga kaum utama dikaji bagi melihat pasaran monopolistik<sup>27</sup> wacana pascakolonial dan hala tuju penulis dalam menyebarkan ideologi mereka menerusi perjuangan masing-masing. Harus disedari bahawa landasan perjuangan ketiga-tiga kaum ini adalah satu suara yang besar. Melihat dalam konteks kini, apakah yang dilabelkan sebagai *subaltern*<sup>28</sup> masih sebagai *subaltern* atau sebaliknya? Apakah hegemoni Ketuanan Melayu yang sering dipersoalkan itu masih berfungsi sebagai manifestasi kerajaan pemerintah seperti yang selalu dikritik dalam drama-drama ini? Seperkara lagi apakah hegemoni sedia ada telah bertukar sebagai *subaltern* dalam strategi perwakilan dan perjuangan seperti gambaran dalam karya?

---

<sup>27</sup> Penyelidikan monopolistik merupakan terma dan penyelidikan dari sisi ekonomi terhadap pasaran persaingan monopolistik. Ia merupakan satu bentuk pasaran di mana terdapat banyak pengeluar yang menghasilkan barang sama tetapi mempunyai perbezaan dalam beberapa aspek. Penjual pada pasaran monopolistik tidak terbatas, namun setiap produk yang dihasilkan pasti mempunyai karakter tersendiri yang membezakannya dengan produk lain. Terma ini digunakan sebagai satu definisi kerja dalam penyelidikan ini.

<sup>28</sup> Rujuk istilah konseptual hlm 29 hal 1.11.7

Oleh itu, penyelidikan ini menjawab kepada permasalahan definisi serta unsur-unsur karya pascakolonial Malaysia oleh penulis Melayu dan bukan Melayu sebagai satu usaha menilai jati diri dan perjuangan bangsa Malaysia dalam membentuk identiti kebangsaan. Maka itu, penyelidikan ini dilakukan bagi melihat sejauh manakah evolusi pembentukan keadaan ini dicetuskan dalam drama pascakolonial Malaysia.

### **1.5 Objektif Penyelidikan**

Penyelidikan ini mengkaji bagaimana ideologi dalam naskhah drama tersebut memaparkan isu penindasan masyarakat yang dijajah serta dominasi penguasa terhadapnya. Penyelidikan ini menganalisis suara masyarakat yang diutarakan melalui sudut minda pengkarya. Berikutan itu, kesan ini akan dinilai dari aspek basis<sup>29</sup> dan superstruktur<sup>30</sup> kerana perkara ini bukan sahaja meliputi aspek sosial, ekonomi dan politik tetapi meliputi budaya yang mempengaruhi segala tatacara dalam gaya hidup. Melalui karya tiga bangsa utama di Malaysia yang mewakili suara komuniti masing-masing, penyelidikan ini berusaha memperlihatkan impak dan kesan pembentukan drama pascakolonial Malaysia penulis Melayu dan bukan Melayu dalam ruang yang tersendiri. Ruang tersendiri ini berteraskan kepada perspektif multi rasialisme<sup>31</sup> dan identiti kebangsaan. Maka itu, objektif penyelidikan ini ialah:

- i. Mengidentifikasi elemen yang membentuk drama pascakolonial Malaysia.

---

<sup>29</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mentakrifkan basis sebagai 1. asas, dasar. 2. Garis dasar, tapak.

<sup>30</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan superstruktur sebagai struktur atau binaan yang dibina di atas bahagian utama sesuatu bangunan.

<sup>31</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mentakrifkan multi sebagai awalan asing banyak dan pelbagai, misal multinasional dan multidisiplin. Manakala rasialisme didefinisikan sebagai 1. layanan berat sebelah atau sikap bermusuhan terhadap seseorang berdasarkan keturunan bangsanya, misal satu kaum mendapat layanan yang lebih istimewa daripada kaum yang lain; 2. fahaman yg menekankan bahawa suku kaum sendiri sahaja yang paling unggul.

- ii. Menjustifikasikan idealisme pascakolonial yang membentuk strukturalisme drama pascakolonial Malaysia.
- iii. Mensintesiskan evolusi identiti kebangsaan drama pascakolonial Malaysia.

Elemen-elemen sosial, ekonomi, politik dan budaya yang dipengaruhi oleh kolonialisme akan dianalisis kerana ini merupakan elemen yang menjadi penyumbang utama dalam pembentukan sesebuah karya. Isu yang terbit dari elemen-elemen ini merupakan refleksi daripada masyarakat terhadap era pascakolonial.

Melalui penyelidikan ini, khalayak boleh mensimulasikan bagaimana persoalan pengaruh dan kesan kolonialisme itu menerusi tema dan persoalan yang dipaparkan melalui percitraan kaum yang dijajah oleh kolonial dan antitesis<sup>32</sup> dalam drama-drama tersebut. Penyelidikan ini melihat dan mengupas suara dan isu kaum yang dijajah dan terjajah dari segi ideologi dalam pembentukan naratif dramatik yang dicipta.

## **1.6 Persoalan Penyelidikan**

- i. Apakah identifikasi yang membentuk identiti drama pascakolonial Malaysia?
- ii. Bagaimanakah idealisme pascakolonial membentuk strukturalisme drama pascakolonial Malaysia?
- iii. Bagaimanakah evolusi membentuk identiti kebangsaan drama pascakolonial Malaysia dirasionalkan melalui pemanfaatan proses sintesis?

---

<sup>32</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) menerangkan antitesis sebagai sesuatu yang benar-benar berlawanan atau bertentangan.

## **1.7 Kerangka Konseptual Penyelidikan**

Kerangka konseptual penyelidikan pada Rajah 1.1 menunjukkan garis panduan dan struktur yang menghubungkan semua pemboleh ubah dan idea utama yang terkandung dalam penyelidikan ini. Secara umumnya, idealisme pascakolonial yang dibahagikan kepada dua (2) kelompok dimensi iaitu dimensi sosial, ekonomi dan politik serta dimensi budaya dijadikan sebagai instrumen teras dalam kajian ini. Dua (2) kelompok dimensi ini dicerap dari pendekatan strukturalisme dengan mengambil kira prinsip kaitan sebagai teras kajian.


Selari itu, teori Gilbert dan Tompkins (1996) digunakan sebagai panduan umum bertujuan untuk memilih sampel naskhah drama pascakolonial yang digunakan untuk penyelidikan ini. Empat (4) prinsipal yang digariskan tersebut akan dijadikan sebagai asas dalam proses pemilihan sampel drama pascakolonial dari tiga kaum utama di Malaysia. Pengaruh wacana pascakolonial dilihat sebagai satu penaklukan budaya dalam sistem sosial yang melahirkan kesan kepada sistem sosial sedia ada yang berkait dengan dasar negara.

Dari segi pemilihan fasa kajian berkenaan era pascakolonial Malaysia, penyelidik akan mengikut fasa masa berdasarkan model Madsen (2003). Madsen (2003) membahagikan kategori perubahan haluan drama pascakolonial kepada tiga (3) fasa (rujuk Rajah 1.3).


Tiga (3) fasa masa tersebut ialah pra kolonial, kolonial dan kemerdekaan yang merujuk kepada masa untuk membebaskan tanah jajahan dari status tempoh kebergantungan pembangunan terhadap sesebuah negara. Namun, dalam tiga (3) fasa

yang digariskan, Madsen memecahkan lagi kepada tiga (3) kategori perubahan haluan yang berlaku dalam drama pasca kolonialisme (rujuk Rajah 1.2) .

Evolusi ini dilihat sebagai satu formulasi yang membentuk idea serta isu yang dibangkitkan dalam drama pascakolonial Malaysia. Manakala lanjutan dari identifikasi serta sintesis wacana tersebut dilihat melahirkan pula representatif akulterasi dan neo budaya yang membentuk identiti baharu sehingga membangunkan identiti kebangsaan.



Rajah 1.2: Fasa Kategori Perubahan Haluan Drama Pascakolonial Madsen (2003)  
Sumber: Olahan penyelidik, 2014



Rajah 1.3: Kerangka Konseptual Penyelidikan  
Sumber: Olahan penyelidik, 2014

Dalam penyelidikan-penyelidikan sejarah pascakolonial, ramai yang menggunakan istilah kedua pascakolonial ini bagi menggambarkan aspek-aspek

pengalaman kolonialisme di negara-negara seperti Vietnam, Indonesia, Burma, Hawaii, Filipina, Amerika Asia, Amerika Afrika, Puerto Rico, Haiti, Latin Caribbean, Asli Amerika dan Kanada. Namun, pengalaman yang dilalui setiap negara yang dijajah adalah berbeza dari pelbagai aspek tingkat dan aras yang merujuk kepada faktor sejarah dan geografi.

Seterusnya, idealisme pascakolonial yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu dimensi sosial, ekonomi dan politik serta dimensi budaya akan digunakan sebagai instrumen kajian utama dari prinsip kaitan strukturalisme dalam kajian ini. Lapan (8) prinsipal dari prinsip kaitan strukturalisme yang membentuk struktur drama pascakolonial Malaysia akan diidentifikasi meliputi elemen dimensi, persoalan (konflik), ideologi, matlamat, ciri-ciri, kritikan, sifat drama serta kesan dan pengaruh. Berdasarkan lapan (8) prinsipal ini, penyelidik akan mengelompokkan hubungan dan kaitan struktur ini yang membentuk wacana drama pascakolonial Malaysia.

## **1.8 Kepentingan Penyelidikan**

Penyelidikan ini dijangka memberikan sumbangan kepada pengetahuan berkenaan perkembangan identiti dan bentuk drama pascakolonial Malaysia. Perkembangan ini meliputi aspek sejarah dan perkembangan dalam drama moden Malaysia. Kebanyakan penyelidikan drama di Malaysia kajian berasaskan kepada satu idealisme sahaja. Berbeza dengan penyelidikan ini yang memfokuskan kepada analisis dengan merujuk isu yang pengembangan strukturalisme yang membentuk drama pascakolonial Malaysia. Dasar dan kepentingan isu dramatik yang dibina akan diidentifikasi secara mendalam. Tamsilnya, penyelidik akan menjustifikasi penyampaian ideologi dan suara penulis dalam konteks pascakolonial dan akan memberikan

tumpuan kepada pengaruh dan kesannya kepada masyarakat Malaysia. Dapatan ini akan disintesiskan bertujuan melihat hubungan suara sejarah dan realiti yang sekian lama terpendam kerana isu-isu yang terkandung dalam drama ini merupakan sesuatu yang sangat sensitif dan masih menjadi tabo kepada masyarakat.

Melalui penyelidikan ini, pengaruh dan kesan pascakolonial dapat diteliti dan dikupas secara lebih mendalam sekali gus berupaya menstrukturkan ciri-ciri dan prinsip pendekatan pascakolonial berasaskan kepada sejarah dan suara tiga kaum utama yang mewakili masyarakat Malaysia. Sebagai contoh, penyelidikan ini akan melibatkan strukturalisme dramatik yang di hibrid<sup>33</sup>kan dengan idealisme pascakolonial bertujuan mengupas ideologi dan falsafah drama yang diketengahkan oleh penulis bagi menjelaskan label dan paten identiti kebangsaan. Melalui penyelidikan ini, pembaca ataupun khalayak dapat memahami kandungan konseptual drama pascakolonial yang digerakkan oleh persoalan dan tema melalui pengalaman sejarah dan sosiopolitik kaum Melayu, India dan Cina di Malaysia. Pada masa yang sama, penyelidikan ini dijangka dapat menyumbang kepada pengembangan ilmu dalam gagasan drama pada era pascakolonial Malaysia secara berfokus.

## **1.9 Istilah Konseptual**

### **1.9.1 Kolonialisme**

De Branca dan Wallerstein (1982) mendefinisikan kolonialisme sebagai kawalan langsung dan eksplotasi dari satu negara kepada negara lain. Contohnya boleh dilihat

---

<sup>33</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) menjelaskan hibrid sebagai 1. (Bio) anak (haiwan atau tumbuhan) yang dihasilkan daripada percantuman dua jenis benih yang berlainan, kacukan; 2. (Komp) sifat sistem yang terbentuk daripada gabungan beberapa teknologi yang berlainan. Dalam penyelidikan ini, hibrid adalah definisi kerja yang merujuk kepada sifat atau sistem atau budaya yang terbentuk daripada gabungan sejarah, etnik, warisan dan budaya yang berbeza.